

# AL-SAYYID ABŪ AL-ḤASAN ‘ALĪ AL-NADWĪ: TEMA-TEMA BESAR PEMIKIRANNYA\*

Oleh:  
Siddiq Fadzil

## Abstract

*The article tries to analyse al-Nadwī's thought especially his idea of Tajdid. It covers his views on a number of major issues such as western civilization, the concept of Prophetic, Islamic education and literature and Islamic resurgence.*

Al-Nadwī yang saya kenal adalah manusia yang luar biasa. Pada dirinya terhimpun pelbagai ciri keunggulan - watak sepadu yang menggabungkan keilmuan dan ketaqwaan, ketegasan dan kehalusan, kesilaman dan kekinian. Semuanya menyatu secara harmonis dan seimbang. Selain itu beliau juga adalah tokoh multi-dimensi dalam erti menonjol sebagai bintang zamannya dalam pelbagai bidang sebagai ilmuwan, pendidik, pendakwah, pemikir dan pejuang.

Al-Nadwī ditakdirkan tampil dalam situasi zaman dan lingkungan yang cukup bermasalah. Tetapi sebenarnya memang untuk itulah beliau ditampilkan. Umat Islam yang sudah sejak agak lama mengalami kemerosotan tamadun, kelemahan iman dan kebakuan intelektual memang ternanti-nanti kemunculan tokoh seperti Al-Nadwī yang diharapkan akan dapat menemukan semula jati diri dan mengembalikan sikap percaya diri terutama dalam menghadapi hegemoni Barat. Pada waktu yang sama Al-Nadwī juga harus menangani permasalahan umat Islam benua kecil India yang dilatari konflik Hindu-Muslim yang selalu meruncing. Justru, tema-tema utama pemikiran Al-Nadwī, baik yang dilafazkan melalui ceramah-ceramahnya mahupun yang tertuang dalam karya-karya tulisnya - memang tidak terlepas dari latar yang sedemikian itu.

---

\* Artikel ini merupakan kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pemikiran Sayyid Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Nadwī, anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang telah diadakan di Dewan al-Malik Faisal, Pusat Matrikulasi, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Petaling Jaya, Selangor, pada 14 Mei 2000.

## TAMADUN BARAT MODEN

Sebagai seorang pemikir era pertembungan tamadun Islam Barat moden, Al-Nadwī tidak dapat mengelak dari ikut tamadun Barat. Al-Nadwī tidak lagi tampil dengan citra seseorang pengagung naif. Ternyata beliau telah membebaskan diri dari tradisi apologetik para pendahulunya seperti Syed Ahmad Khan atau Muhammad Abduh. Malah beliau menyatakan keberatannya terhadap pendekatan yang diistilahkannya sebagai *al-asālib al-difā'iyat al-i'tidhiyyah*.

Tamadun kebendaan Barat yang tengah memuncak itu dihadapi oleh al-Nadwī dengan sikap seorang da'ī membawa misi penyelamat. Baginya faham kebendaan yang mendasari tamadun Barat itu telah membawa kerosakan dan kehancuran, ia hanya akan selamat dan bermanfaat kepada manusia sejagat andainya ia bersedia menerima nilai-nilai profetik. Sikap ini mengingatkan kita kepada generasi umat zaman *al-futūḥāt* yang memasuki wilayah tamadun Parsi Romawi. Meskipun dari segi kemajuan kebendaan umat Islam masih sangat sederhana tetapi mereka tidak merasa rendah diri atau hilang keyakinan diri berhadapan dengan tamadun kebendaan yang sedang menyemarak. Dengan berbekal kekuatan *al-iqtinā'* (kepuasan dan kebanggaan memiliki sesuatu yang tidak ada pada lawan iaitu kebenaran *nubuwwah*) mereka mendatangi bangsa Romawi dan Parsi dengan misi "*ji'nā linunqidhakum!*" (kami datang untuk menyelamatkan kalian). Demikianlah juga al-Nadwī menyikapi Barat. Kepada masyarakat materialistik (Eropah dan Amerika) ditawarkan pusaka nubuwwah. Itulah sebenarnya mesej yang termuat dalam tulisannya, *Speaking Plainly to the West* dan *From the Depth of the Heart in America*. Pendekatan sedemikian itu jelas menyerlahkan jiwa besar al-Nadwī yang tidak melayani Barat dengan semangat balas dendam atau melihatnya dengan sentimen kebencian yang meluap-luap sebagaimana umumnya sikap para agitator politik nasionalis Timor pada awal abad 20M. Sikap sedemikian itulah juga yang dipesankannya kepada pemuda-pemuda Islam yang tinggal di Barat. Mereka disaran agar jangan hanya menjadi murid dan peniru buta, tetapi sebaliknya mereka harus berperanan sebagai pendakwah dan pembimbing. Dengan demikian al-Nadwī sesungguhnya telah membuka suatu terobosan baru dalam sejarah hubungan Timur-Barat, suatu dialog ketamadunan yang didasari semangat saling memanafaatkan.

Selama ini dirasakan hanyalah kemunduran umat Islam yang berakibat timbulnya kompleks rendah diri, kagum dengan Barat, sesal kerana tidak menjadi seperti Barat dan seterusnya tumbuhlah rasa memerlukan Barat serta ghairah meniru Barat. Dipihak Barat pula tumbuh rasa unggul diri lalu memandang rendah terhadap umat dan tamadun Islam. Keadaan seperti itu seolah-olah telah diterima umum sebagai fakta dan kenyataan yang tidak dapat dibantah lagi. Dalam situasi seperti itulah tampilnya al-Nadwī mengungkapkan perspektif lain yang secara radikal merubah gambaran dan persepsi tersebut menerusi tulisannya, *Mādhā Khasīra al-'Alam bi Inḥitāt al-Muslimīn*

(Ruginya Dunia Akibat Kemunduran Umat Islam). Buku ini berjaya menarik perhatian ramai kerana kelainan mesejnya bahawa kemunduran umat Islam merupakan kerugian besar bagi dunia seluruhnya, termasuk Barat. Ini kerana kemunduran umat Islam bererti tamadun dunia kehilangan landasan wahyu dan nilai-nilai nubuwwah yang hanya ada pada kaum Muslimin.

### **NILAI-NILAI PROFETIK**

Bagi al-Nadwī masalah paling mendasar dalam modenisme Barat khususnya dan manusia moden umumnya termasuk golongan intelegensia dan para penguasa dunia Islam adalah penolakan mereka terhadap petunjuk wahyu dan nilai-nilai profetik. Kerana itulah persoalan tentang nubuwwah menjadi salah satu tema penting dalam pemikiran al-Nadwī sebagaimana yang terbukti dari sejumlah tulisannya yang mengangkat tema tersebut seperti *al-Nubuwwat wa al-Anbiyā’ fi Daw’l al-Qur’ān*, *Faḍl al-Bi’tah al-Muḥammadiyyah ‘alā al-Insāniyyah wa Minahiha al-‘Alamiyyat al-Khālidah*, *Fi Zilāl al-Bi’tah al-Muḥammadiyyah* dan lain-lainnya.

Nyatalah al-Nadwī bukan dari jenis pengamat yang mudah silau dengan kemilau tamadun kebendaan. Tamadun Barat baginya bukanlah model tamadun unggul. Kerana itu pula pola fikir al-Nadwī berbeza daripada yang umum tercipta dalam karya-karya cendekiawan Muslim hujung abad 19 dan awal abad 20. Karya-karya era tersebut rata-rata sarat dengan muatan rasa kagum terhadap Barat terutama falsafah dan sainsnya sehingga membawa kepada terbentuknya aliran saintisme yang selalu ditandai ketelanjangan *menta’wilkan* mu’jizat, hakikat-hakikat *ghaybiyyāt* dan segala yang di luar jangkauan akal menjadi fenomena-fenomena almah empiris sesuai dengan teori-teori semasa. Dengan ungkapan lain mereka berkecenderungan untuk menyerasikan semangat tamadun Islam dengan semangat tamadun Barat.

Akibat kehilangan nilai-nilai profetik segala-galanya menjadi serba benda dan itulah sebenarnya ciri asas tamadun Barat dan tamadun-tamadun masa kini lainnya yang dibentuk dalam acuan Barat. Faham kebendaan telah mencetuskan pelbagai krisis dan bencana kemanusiaan. Kerana itu al-Nadwī memberikan perhatian khusus kepada tema ini. Antara tulisannya yang membahas isu faham kebendaan ini termasuklah tafsir surah al-Kahfi yang diberinya judul *Faith Versus Materialism* dan *Religion and Civilization*.

### **GENERASI BERPENDIDIKAN BARAT**

Dalam kaitan inilah beliau begitu memprihatinkan orientasi, jiwa dan minda generasi muda Islam yang terbentuk dalam acuan sistem pendidikan Barat. Al-Nadwī tentunya telah menyaksikan sendiri watak generasi intelegensia “Muslim” produk sistem tersebut terutama di India sendiri, di samping di negara-negara lain yang dijajah oleh

kuasa-kuasa Barat. Apa yang diinginkan oleh Lord Macaulay dalam konteks India benar-benar telah terjadi. Arkitek pendidikan Inggeris di India itu menyatakan matlamatnya untuk melahirkan kelompok rakyat peribumi yang dapat berperanan sebagai perantara di antara pemerintah kolonial Inggeris dengan jutaan rakyat jajahan, iaitu kelompok peribumi masih India darah dan warna kulitnya tetapi sudah serba Inggeris bahasa, citarasa dan budayanya. Kelompok Anglophile atau yang sejenis dengannya bukan sahaja wujud di India tetapi hampir di seluruh dunia Islam. Kelompok yang sangat instrumental sebagai agen pembaratan itu amat berbahaya terhadap kelangsungan agama, budaya dan jatidiri umat Islam seluruhnya. Bagi al-Nadwi sistem pendidikan Barat pada hakikatnya tidak lain dari suatu konspirasi yang secara halus berusaha menghapuskan generasi Muslim.

Lebih jauh dari itu al-Nadwi mempersepsikan ilmu dan buku bagaikan makhluk hidup yang mempunyai ruh dan jiwa. Dengan demikian ilmu-ilmu yang diolah oleh bangsa-bangsa berfaham ilhad di Eropah dan buku-buku yang dihasilkan oleh para failasuf dan sasterawannya pasti dijiwai faham ilhad yang materialistik dan hanya menerima sesuatu yang bersifat inderawi serta menolak segala yang di luar jangkauan kaedah empiris. Sejalan dengan itu tertolaklah pula segala nilai-nilai moral yang dianggap tidak memenuhi kepentingan pragmatik dan utilitarian.

## GAGASAN PENDIDIKAN ISLAM

Atas asas itulah al-Nadwi menolak pendidikan sekular Barat yang materialistik-dualistik itu, lalu mengasaskan sistem yang disebutnya sebagai *al-tarbiyyat al-Islāmiyyat al-hurrah*, suatu gagasan yang ditekuninya sejak tahun-tahun 50an. Ia adalah sistem pendidikan Islam murni yang bebas dari jiwa dan semangat filsafat keilmuan asing, sesuai dengan kaum Muslimin sebagai umat tersendiri yang berpegang dengan prinsip, aqidah dan risalahnya sendiri. Untuk mencapai objektif pembinaan generasi terdidik yang berwatak Islami - berfikir, bertindak dan berperilaku secara Islam, al-Nadwi menyarankan kurikulum yang berteraskan pengajaran al-Qur'an al-Sunnah, Sirah Nabawiyah dan sejarah para sahabat. Proses pembelajaran ini harus pula diintegrasikan dengan proses pendidikan dalam erti penyerapan sejumlah nilai-nilai dan amalan mulia termasuk kesedaran tentang misi dan harga diri sebagai ilmuwan, iltizam terhadap dakwah dan semangat mengakar di tengah umat. Tidak kurang pentingnya ialah pendidikan jasmani, bukan sekadar dalam erti bermain dan bersukan, tetapi lebih merupakan latihan membina generasi pejuang yang kuat dan tahan lasak.

Seperkara yang menarik dalam gagasan al-Nadwi ialah keperluan penyediaan buku teks baru terutama untuk subjek-subjek bahasa, sastera dan ilmu-ilmu kontemporer seperti geografi, sejarah, sains tabii dan seumpamanya. Ini dilakukan dengan maksud menyerapkan perspektif dan jiwa keislaman ke dalamnya. Dalam

kaitan ini beliau juga menyarankan agar ilmu-ilmu dari tamadun asing, khususnya ilmu-ilmu dari Barat diterima sebagai bahan mentah untuk diolah dan dicerna semula dalam acuan keislaman agar ia dapat dibersihkan dari unsur-unsur bawaannya seperti faham ilhad, peremehan terhadap nilai-nilai moral dan unsur-unsur negatif lainnya. Dengan demikian ilmu-ilmu yang telah menyerap nilai-nilai iman itu dapat berperanan sebagai wahana mencapai hikmah dan ma’rifah. Al-Nadwī memang tidak memakai istilah Islamisasi ilmu, tetapi demikianlah hakikat gagasannya.

Selain itu gagasan al-Nadwī juga meliputi asas kurikulum universiti Islam (dakwah dan kepimpinan). Beliau tidak membahaskan segi konsepnya kerana universiti memang sudah sedia wujud dalam tamadun Islam sejak lama. Yang beliau tekankan adalah objektifnya untuk mengeluarkan para pendakwah (kepada agama Allah) yang berilmu dan beriltizam. Untuk itu disiplin-disiplin terasnya harus meliputi al-Qur’an, al-Sunnah dan Sirah Nabawiyyah. Mengenai pengajian al-Qur’an, al-Nadwī memberikan catatan bahawa yang penting bukan sekadar beriman dengannya, tetapi menyintai, menikmati dan menyerap citarasanya. Mengenai al-Sunnah pula al-Nadwī menekankan nilai amalinya dalam kehidupan termasuk dimensi sosial, dimensi hukum (fiqh) dan dimensi moral (pembersihan jiwa). Sementara tentang Sirah Nabawiyyah pula al-Nadwī menekankan segi keimanan terhadap keunggulan al-Rasul s.‘a.w dan kecintaan terhadapnya serta penghayatan nilai-nilai keteladanannya.

## MASALAH DALAMAN UMAT

Penjajahan memang merupakan suatu musibah besar yang telah menimpa umat Islam. Tetapi ini tidak bererti segala-galanya berpunca dari penjajahan. Malik Bennabi misalnya mengatakan bahawa di pihak umat Islam sendiri wujud sikap *qābiliyyah li al-isti‘mār* (kesediaan dan kerelaan untuk dijajah). Dalam hal ini al-Nadwī juga melihat masalah dalaman umat Islam yang tidak kurang seriusnya sehingga beliau menggunakan ungkapan-ungkapan seperti *riddah fikriyyah* (kemurtadan pemikiran), *riddah...wala Abā Bakr laha* (kemurtadan...tanpa kehadiran Abū Bakr), *azmat imān wa akhlāq* (krisis iman dan akhlaq), *khalīj bayna al-Islām wa al-muslimīn* (teluk/jurang di antara Islam dengan umatnya) dan lain-lain yang senada. Penyakit umat menurut persepsi al-Nadwī memang cukup parah kerana sudah sampai ke dimensi paling dalam iaitu iman. Kerana itu penyelesaian yang beliau sarankan ialah *Ilā Islam min Jadid* (Mendatangi/Menganut Islam Semula).

Bagaimanapun yang dilihat oleh al-Nadwī bukan cuma penyakit yang sedang dideritai umat, tetapi beliau juga melihat potensinya untuk kembali memimpin dunia. Itulah sebenarnya semangat yang tersirat dalam ceramah-ceramah karya-karya tulisannya. Salah sebuah bukunya yang sangat popular diseluruh dunia Islam, *Mādhā Khasīra al-‘Alam Bi inhiṭāṭ al-Muslimīn* (Ruginya Dunia Akibat Kemunduran Umat

Islam) membawa mesej perlunya umat Islam kembali tampil mengisi ketamadunan yang dapat merahmati alam seisinya. Justeru itu para penganalisis berpendapat bahawa buku tersebut perlu ditelaah oleh setiap orang yang mengaspirasikan kebangkitan semula tamadun Islam.

Al-Nadwī menangani permasalahan umat dengan simpati seorang tabib, dedikasi seorang pendidik dalam optimisme seorang da'ī sepanjang hayatnya ditumpukan pada amal Islami - dakwah, tarbiyah dan islah. Itulah gelanggang perjuangan yang dipilihnya dengan penuh keyakinan bahawa itulah pilihan terbaik. Dalam rangka tersebut itulah beliau berkerja dan berkarya dengan misi menghidangkan Islam kepada generasi kontemporer. Al-Nadwī berdakwah menerusi segala cara dan media bi al-hāl, lisan dan tulisan. Kehidupan hariannya dan penampilan peribadinya menayangkan keunggulan nilai-nilai keIslaman yang diperjuangkannya, ceramah-ceramahannya cukup memukau dan meyakinkan, sementara karya-karya tulisannya membuka mata, menyedar, menyegar dan mengesankan. Beliau cukup berjaya merialisasikan pendekatan yang disebutnya sebagai *al-Islām bi uṣlūb al-'aṣr* (pemaparan Islam dengan gaya yang kemaskini/kontemporer).

Sesuai dengan tema dakwah dan islah, al-Nadwī menghasilkan karya penting berupa biografi tokoh-tokoh pemikir pendakwah di sepanjang sejarah. Karya setebal empat jilid yang diberi *Rijāl al-Fikr wa al-Da'wah fī al-Islām* itu dapat memenuhi keperluan memahami liku-liku perjuangan Islam dari zaman ke zaman, di samping mengenali kebesaran peribadi tokoh-tokoh pelakunya. Kehadiran karya seperti itu tentu sahaja membawa manfaat besar terutama kepada kader-kader dakwah yang memang perlu meneladani peribadi-peribadi misali sebagai wira-wira yang relevan dan menginspirasi.

Selain itu ia juga merupakan suatu pembuktian historis tentang ujudnya kesinambungan gerakan islah di sepanjang sejarah Islam. Sesungguhnya Islam di sepanjang sejarahnya tidak pernah mengalami era kekosongan islah, kerana memang ia merupakan proses yang berterusan, bukan fenomena yang terputus-putus. Implikasi dari sifat kesinambungan Islah dan tajdīd itu ialah terjaminnya Islam dari penyimpangan dan penyelewengan. Dengan demikian Islam akan selamanya dapat bertahan sebagai agama yang relevan, murni dan kemaskini.

## SASTERA ISLAM

Dalam rangka pemerataan dakwah, al-Nadwī telah mempelopori pembinaan sastera Islam khususnya menerusi wadah *Rābitah al-Adab al-Islāmiy* yang mendukung ide-ide dasar bahawa:

- Sastera Islam merupakan eksperesi seni yang terarah tentang kehidupan, alam dan insan berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah.

- Sastera Islam merupakan suatu realiti hakiki sejak kelahiran agama Islam, bersumberkan sinar wahyu dan petunjuk nubuwwah.
- Sasterawan Islami terikat dengan agama Islam dan nilai-nilai bawaannya serta beriltizam dengan prinsip-prinsip dan idealismenya dalam berkarya.
- Sastera Islam adalah pembimbing umat yang bertanggung-jawab kepada Allah.
- Sastera Islam bersifat saling melengkapi antara isi dan bentuk.
- Sasterawan Islami adalah pemegang amanah pembentukan pemikiran umat. Kerana itu mereka harus memiliki persepsi yang tepat dan ilmu keagamaan yang memadai.
- Sastera Islam menolak aliran-aliran (kesusasteraan) yang menyimpang.
- Sastera Islam bersikap akomodatif terhadap unsur-unsur kesusasteraan baru dan menghidangkannya kepada khalayak dalam keadaan yang bersih dari sebarang penyimpangan dari ajaran Allah dan sarat dengan muatan nilai-nilai murni keislaman.
- Sastera Islam memerlukan kritikan sastera yang Islami dan kemaskini untuk mengawal perkembangannya, memantapkan landasannya dan meningkatkan kualitinya. (*Al-Nizām al-Asāsī li al-Adab al-Islāmiy*, 1986: 15-16).

## **ORIENTALISME**

Sebagai seorang ilmuwan-pendakwah, al-Nadwī memperlihatkan iltizam yang serius terhadap tanggung-jawab memelihara kemurnian dan keaslian Islam. Kerana itu beliau amat memprihatinkan ketergantungan para pelajar dan cendekiawan Muslim kepada tulisan-tulisan orientalis. Di samping mengakui kesungguhan dan kejujuran sebilangan orientalis, al-Nadwī menolak tulisan sejumlah besar orientalis yang bermotif jahat, sengaja mencari-cari dan menonjol-nonjolkan apa yang mereka anggap sebagai titik-titik kelemahan dalam syari‘at, sejarah dan peradaban Islam. Perkara-perkara titik-bengik yang dipungut dari sampah-sarap sejarah dibesar-besarkan, secubit jadi segunung, setitik jadi selaut, semata-mata untuk mencemarkan citra Islam. Tulisan-tulisan seperti itulah yang banyak mempengaruhi jiwa dan minda para pemuka dunia Islam sehingga mereka berasa pesimis terhadap masa depan Islam, kecewa dengan masa kininya dan prasangka terhadap masa lalunya. Seterusnya tanggapan seperti itulah pula yang kemudiannya memotivasikan seruan me“moden”kan Islam, Me“reformasikan”kan Islam, mem“progresif”kan Islam dan lain-lain yang senada. Untuk membebaskan umat dari sindrom ketergantungan kepada orientalis itulah al-

Nadwī menekankan keperluan membina tradisi kesarjanaan Islam yang prolifik, produktif dan berwibawa. (al-Nadwī, *al-Islāmiyyat*, 1985: 15-16).

### KOREKSI PEMIKIRAN MAWDŪDIY DAN SYED QUTB

Bagi al-Nadwī, kemurnian ketepatan dan keaslian Islam harus sentiasa dipelihara dengan penuh rasa cemburu. Untuk itulah beliau tidak cuma membantah distorasi para orientalis, tetapi juga mengkoreksi pemikiran rakan-rakan seperjuangannya dalam gerakan dakwah dan Islah. Demikianlah yang dilakukannya terhadap beberapa isu dalam pemikiran Abū al-A'īn al-Mawdūdī dan Sayyid Qutb lewat bukunya, *al-Tafsīr al-Siyāsī li al-Islām fi Mir'āt Kitābat al-Ustādh Abī al-A'īn al-Mawdūdī wa al-Syahīd Sayyid Qutb*. Tulisan kedua-dua tokoh besar tersebut khususnya *al-Mustālahat al-Arba'ah fī al-Qur'ān* (oleh al-Mawdūdī) juga *Ma'ālīm fī al-Tariq dan tafsīr Fi Zilāl al-Qur'ān* (oleh Sayyid Qutb) dinilai oleh al-Nadwī sebagai terlalu berorientasi politik sehingga boleh menimbulkan kekeliruan yang serius tentang hakikat Islam. Permasalahannya berkisar pada isu *hākimiyyatu 'Llāh* yang ditafsirkan sebagai membawa implikasi bahawa manusia sama sekali tidak mempunyai ruang untuk membuat peraturan sendiri kerana segala-galanya, kecil dan besar adalah hak mutlak Allah s.w.t sebagai satu-satunya Hakim. Membuat peraturan sendiri (dalam bentuk apapun juga) bererti merampas hak Allah s.w.t dengan implikasi syirik dan terkeluar dari agama. Pemikiran inilah antara yang dikoreksi oleh al-Nadwī yang sependirian dengan Hasan al-Hudaybiy bahawa Tuhan memberikan ruang yang cukup luas bagi manusia mencipta peraturan sendiri sesuai dengan keperluan mereka dari semasa ke semasa dalam hal-hal yang tidak dinaskan al-Qur'an dan al-Sunnah. (Al-Nadwī, 1980: 73-77).

Kedua-dua tokoh tersebut juga terlalu menekankan hubungan hakim-mahkum sebagai hubungan asas di antara Tuhan dengan manusia. Bagi al-Nadwī hubungan Tuhan dengan manusia tidak harus terpusat dan tertumpu hanya pada bentuk hakim-mahkum sehingga mengabaikan bentuk-bentuk hubungan lain yang lebih luas seperti hubungan khāliq-makhlūq dan lain-lainnya. Al-Nadwī mengkuatirkan andainya pemikiran tersebut berimplikasi seperti yang dimaksudkan oleh ayat, "Dan mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang semestinya" (al-An'ām: 91). Selain itu, mungkin kerana iltizam yang sangat kuat untuk mendirikan pemerintahan Islam, berlaku pula keterlanjuran menganggap ibadat asasi seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji hanya sebagai wasilah, wahana, persiapan dan latihan untuk mencapai matlamat mendirikan pemerintahan ketuhanan (*al-hukūmāt al-Ilāhiyyah*). Pemikiran ini juga dikoreksi oleh al-Nadwī dengan menegaskan bahawa ibadat seperti yang disebutkan itu pada hakikatnya bukan cuma wasilah (wahana) tetapi adalah *ghāyah* (matlamat) yang tersendiri. Ini dibuktikannya dengan nas-nas dari al-Qur'an dan al-Sunnah termasuk firman Allah dalam surah al-Hajj ayat 41 (yang bermaksud: *Mereka*

*yang jika kami teguhkan kedudukan mereka di bumi, mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh kepada kemakrufan dan mencegah kemungkaran dan kepada Allah jua kembalinya segala urusan).* (al-Nadwī, 1980:77-79).

Demikianlah terlaksananya suatu amanah keilmuan memelihara kemurnian agama dan tertunainya tanggung-jawab *al-dīn al-ṇasiḥah*. Al-Nadwī telah melakukan koreksi tersebut dalam semangat kecintaan yang hangat, tanpa mengurangi rasa hormat dan penghargaannya terhadap kehebatan kedua-dua tokoh berkenaan. Seperkara yang cukup menarik untuk direnung ialah reaksi al-Mawdūiy terhadap koreksi al-Nadwī itu. Dalam jawapan yang bernada cukup mesra, al-Mawdūiy sangat berterima kasih dan meminta agar al-Nadwī sudi meneliti tulisan-tulisannya yang lagi sambil mengatakan, “saya tidak dapat berjanji untuk bersetuju sepenuhnya dengan anda - tetapi saya akan pasti menelitinya. Saya tidak pernah menganggap diri saya mengatasi kritikan atau perbezaan pendapat.” (al-Nadwī, 1980:20-21).

## KEBANGKITAN ISLAM

Dengan menekuni bidang dakwah, tarbiyah dan islah selama berdekad-dekad, pemikiran al-Nadwī tersebar luas merentasi persempadanan negara dan benua, meratakan kesedaran Islamiah di kalangan umat sejagat. Tidak dapat dinafikan bahawa al-Nadwī telah memberikan saham yang cukup besar kepada kebangkitan Islam masa kini. Lantaran itu beliau begitu perihatin dengan fenomeno kebangkitan ini yang disifatkannya sebagai satu tanggung-jawab besar dan amat berat. Ia harus dikendalikan dengan bijaksana demi memastikan kejayaannya. Andainya kebangkitan ini gagal, akibatnya akan sangat buruk, hilangnya keyakinan terhadap masa depan Islam.

Al-Nadwī mempersepsikan kebangkitan Islam bukan sekadar suatu reaksi terhadap keburukan persekitaran, bukan sekadar protes terhadap pemerintahan yang tidak Islami dan jauh sekali dari sekadar sorak-sorai slogan-slogan. Pada hakikatnya kebangkitan merupakan sifat tabii Islam itu sendiri dan sekali gus merupakan satu keperluan kemanusiaan, lebih-labih lagi pada saat seperti sekarang ini, saat manusia tenggelam dalam budaya nafsu dan faham-faham sesat. Kerana keperihatinannya yang sangat mendalam terhadap masa depan kebangkitan ini, al-Nadwī memberikan beberapa ciri yang perlu di penuhi demi kelangsungannya. Antaranya termasuklah :

- Menepati aqidah Islamiah yang sebenar.
- Berasaskan ilmu keagamaan yang luas dan pemikiran yang mantap.
- Meliputi kesedaran sivil, kefahaman terhadap isu-isu semasa dan kewaspadaan terhadap pelbagai arus dan gerakan lain.
- Memupuk semangat jihad secara berterusan.
- Menghindari kebekuan (kehilangan dinamika).

- Bersikap positif dan menghindari permusuhan yang tidak perlu.
- Mengamalkan gaya hidup sederhana dan menghindari perebutan kuasa dan kedudukan.
- Memupuk semangat berkorban dan sikap kepahlawanan.

Al-Nadwī adalah salah seorang putera terbaik Islam abad lalu. Beliau bukan hanya memiliki benua kecil India, tetapi memiliki umat sedunia. Selama hayatnya beliau telah membuktikan dirinya sebagai manusia global. Suara dan bicaranya mengema di seluruh jagat raya menembusi segala persempadanan benua. Kembalinya al-Nadwī ke hadirat Illahi tepat pada saat penutupan abad 20. Rupa-rupanya hingga di situlah tugasnya - menghantarkan generasi ke ambang abad 21.

### Bibliografi

- Al-Azhariy, Nadhr al-Ḥāfīz 1986. *Abū al-Ḥasan al-Nadwī: Kātibān wa Mufakkiran*. Kuwait: Dār al-Qalam.
- Al-Nadwī, Abū al-Ḥasan 1976. *Speaking Plainly to the West*. Lucknow: Academy of Islamic Research and Publications.
- \_\_\_\_\_, 1977. *Al-Tarbiyyat al-Islāmiyyat al-Hurrah*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- \_\_\_\_\_, 1978. *From the Depth of the Heart in America*. Lucknow: Academy of Islamic Research and Publication.
- \_\_\_\_\_, 1979. *Ilā al-Islām min Jadīd*. Dimashq: Dār al-Qalam.
- \_\_\_\_\_, 1980. *Al-Tafsīr al-Siyāsiy li al-Islām*. Kaherah: Dār Afaq al-Ghadd.
- \_\_\_\_\_, 1985. *Al-Ḥadārah al-Gharbiyyah al-Wafīdah*. Kaherah: Dār al-Sahwah li al-Nashr.
- \_\_\_\_\_, 1985. *Al-Islāmiyyat*. Beirut: Mu'assasat al-Risālah.
- \_\_\_\_\_, 1989. *Tarshid al-Ṣaḥwat al-Islāmiyyah*. Lucknow: al-Matba'ah al-Nadwiyyah.
- \_\_\_\_\_, 1985. *Qiāmat al-Ummat al-Islāmiyyat Bayna al-Umam*. Qatr: Wazarāt al-Awqāf wa-al-Syu'ūn al-Islāmiyyah.